

26/03/2001

Rakyat Sabah terima baik formula penggiliran 2-1-1

Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Ahad - Perubahan formula sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang menyaksikan Umno diberi peluang dua penggal untuk menyandanginya, diterima baik rakyat Sabah dan tiada bantahan mengenainya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata maklum balas yang beliau terima apabila bertemu dengan penduduk tempatan dan ahli Umno Sabah menunjukkan mereka menerima perubahan itu.

"Mereka (rakyat Sabah) nampak senang hati ... mereka menerima baik, tidak ada timbulkan bantahan," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Dr Mahathir yang tiba semalam untuk lawatan rasmi dua hari ke Sabah diminta menghuraikan formula baru itu berikutan dakwaan ada sedikit kekeliruan mengenainya.

Formula baru itu dikenali di sini sebagai 'Formula 2-1-1' yang mana Umno akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri selepas penggal dua tahun Datuk Chong Kah Kiat tamat dan selepas itu barulah giliran Bumiputera bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah juga tidak ada mengemukakan bantahan berhubung formula itu, begitu juga rakyat pada peringkat akar-umbi.

Katanya, tempoh penggiliran dikekalkan dua tahun bagi setiap penggal Ketua Menteri seperti dipraktikkan sekarang.

Pada 16 Mac lalu, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Chong sebagai Ketua Menteri baru, menggantikan Datuk Osu Sukam menerusi sistem penggiliran yang diperkenalkan sejak 1994.

Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat, akan mengangkat sumpah di Istana Negeri di sini pagi Selasa ini, diikuti Kabinet negeri pada sebelah petang.

Ditanya apakah sistem penggiliran itu akan terus dilaksanakan, beliau berkata: "Kita tengok bagaimana respon rakyat."

Mengenai keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu semalam mengetepikan permohonan injunksi tiga ahli perniagaan bagi menghalang Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, daripada melantik dan melakukan istiadat angkat sumpah Chong, Dr Mahathir berkata, keputusan itu memang wajar.

Sambil menyifatkan percubaan itu sebagai tindakan suka-suka, Perdana Menteri berkata, sememangnya tiada asas tindakan sedemikian dan ia mungkin sekadar untuk mengambil masalah.

Sementara itu, beliau menyerahkan kepada Chong menentukan Kabinet baru yang akan dibentuknya kelak.

Pada masa yang sama, beliau membayangkan kemungkinan sistem tiga Timbalan Ketua Menteri (mewakili Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina) akan terus dipraktikkan.

Ditanya kenapa bukan pemimpin Kadazandusun dilantik sebagai Ketua Menteri selepas Osu dan sebaliknya diberi kepada kuota Cina, Dr Mahathir menjelaskan, ia dibuat dengan mengambil kira keputusan pilihan raya negeri pada 1999 dulu.

Katanya, Ketua Menteri ketika itu, Tan Sri Bernard Dompok mewakili masyarakat Kadazandusun, tetapi apabila diadakan pilihan raya, mereka (masyarakat Kadazandusun) menolaknya.

"Jadi mereka (masyarakat Kadazandusun) tak boleh mengadu sekarang ... saya sendiri datang membantu kempen. Mereka (masyarakat Kadazandusun)

fikir Pairin (Datuk Joseph Pairin Kitingan) akan menjadi Ketua Menteri dan mereka mengundinya ...," katanya.

Sementara itu, mengenai Keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu semalam untuk membatalkan permohonan bagi perintah injunksi terhadap sistem penggiliran itu, Perdana Menteri berkata, keputusan itu adalah tepat sekali.

"Ia tindakan tidak serius ... tidak ada asas, sengaja nak menimbulkan masalah," katanya.

Khamis lalu, tiga ahli perniagaan memfailkan permohonan bagi injunksi untuk menghalang Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai daripada melantik Chong dan mengadakan istiadat mengangkat sumpah jawatan tetapi permohonan itu dibatalkan semalam.

Mahkamah mengetepikan permohonan itu atas alasan tiada locus standi untuk memohon perintah injunksi terhadap kerajaan negeri.

Mengenai tugas dan peranan Osu selepas ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan menimbangankan peranan yang akan dimainkan oleh Osu yang sudah habis tempoh jawatan sebagai Ketua Menteri.

Osu, 52, menghabiskan tempoh dua tahun bagi masyarakat Bumiputera Islam untuk memegang jawatan Ketua Menteri Sabah mengikut sistem penggiliran jawatan itu dan akan digantikan Chong.

(END)